

Harta Guam nasihat elak beli lot lidi jika nama tak dimasukkan dalam geran tanah

Oleh Latifah Arifin dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keinginan memiliki kediaman sendiri yang selesa dengan harga tapak pula hanya

RM60,000, menyebabkan seorang penjawat awam hampir membeli tanah ‘lot lidi’ atau lot kecil.

Berkongsi pengalamannya, Nur Bahari Zulkifli, 39, berkata pada

awalnya, dia tidak tahu lot tanah

ditawarkan di sebuah daerah di Selangor itu berstatus tanah per-

tanian yang dipecahkan menjadi

lot kecil dan masih belum ditukar kepada pemilikan individu.

“Siapa yang tak tertarik lihat

iklan di media sosial, tanah lot

banglo dengan harga mampu mi-

lik. Saya kemudian hubungi ejen

syarikat yang menguruskan pe-

njualan berkenaan dan dibawa ke

lokasi serta dimaklumkan masih

ada lima lot lagi untuk dijual.

“Lebih meyakinkan, dua dari-

pada lot tanah berkenaan sudah

ada pembeli dengan banglo dua

tingkat dalam proses pembinaan.

Tambahan pula, mereka tawar-

kan tanah ‘corner lot’ (lot sudut),

lebih besar, jadi saya memang te-

ruja.